

# Jurnal UKM Press

*by* Sukri Nyompa

---

**Submission date:** 09-Feb-2023 01:42PM (UTC+0800)

**Submission ID:** 2009918292

**File name:** Kependudukan\_di\_Bandar\_Makassar,\_Sulawesi\_Selatan,\_Indonesia.pdf (258.91K)

**Word count:** 3639

**Character count:** 23266



## Migran dan Akta Pentadbiran Kependudukan di Bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia

Sukri Nyompa<sup>1</sup>, Mohd Fuad Mat Jali<sup>1</sup>, Noraziah Ali<sup>1</sup>, Katiman Rostam<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Coresspondence: Sukri Nyompa (email: sukri\_nyompa@yahoo.co.id)

### Abstrak

Kehadiran penduduk yang tidak berdaftar dan tidak dikenali warga tempatan boleh menimbulkan pelbagai masalah pentadbiran di bandar yang sedang berkembang pesat. Kedudukannya yang strategik menjadikan Bandar Makassar sangat menarik untuk penduduk dari kawasan lain untuk berpindah masuk. Makalah ini bertujuan untuk memeriksa kehadiran migran yang ramai dalam konteks pelaksanaan Akta 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan di Bandar Makassar. Menggunakan data primer dan sekunder, analisis kajian ini menunjukkan bahawa migran merupakan 38.2 peratus daripada 1.1 juta penduduk bandar tersebut pada tahun 2000. Angka tersebut meningkat kepada 43.62 peratus pada tahun 2010. Kebanyakan migran tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan Bandar Makassar seperti yang dituntut oleh akta tersebut. Perkara ini berlaku kerana migran tidak tahu dan tidak peduli tentang tuntutan akta tersebut. Untuk mengatasi masalah tersebut pihak berkuasa Bandar Makassar telah melakukan pelbagai usaha termasuk kempen menyebarkan maklumat dan menjelaskan tentang tuntutan akta pentadbiran kependudukan kepada migran.

**Katakunci:** migran tidak berdaftar, Akta Pentadbiran Kependudukan, kerajaan tempatan, komuniti migran

## Migrants in Makassar, South Sulawesi and the Indonesian Population Administration Act

### Abstract

The presence of unregistered and unidentified residents may create a lot of administrative problems in any burgeoning city. Strategically located, the Indonesian Makassar City often attracted people to reside in. This paper examines the presence of migrant population in the city within the context of the prevailing Population Administration Act, 2006. Using primary and secondary data it was found that the migrant population constituted 38.2 percent of the city's 1.1 million total population in 2000. This figure had escalated to 43.62 percent in 2010. What is of interest is that many of the migrants had not registered with the city authorities as required by the Act. This situation arose because of the migrants' apathy to, and ignorance of the law. To overcome this problem the Makassar City authorities had embarked on a campaign of informing and educating the migrant community regarding the matter.

**Keywords:** illegal migrants, Population Administrative Act, local government, migrant community

### Pengenalan

Aliran migrasi yang pesat ke bandar besar masih lagi berlaku di kebanyakan negara yang sedang membangun termasuk Indonesia (Gmelch & Kemper, 2009). Di Indonesia, selain aliran menuju ke bandar raya mega Jakarta, terdapat aliran migrasi yang ketara ke pusat wilayah lain di negara

tersebut termasuk ke bandar raya Medan, Surabaya, Padang dan Makassar (Temple, 1975; Antweiler, 2002; Salut Muhidin, 2011). Sebahagian besar migran ini tidak berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan seperti yang sepatutnya. Oleh yang demikian ramai dalam kalangan mereka tidak dikenali penduduk setempat, apatah lagi pemerintah tempatan. Kehadiran penduduk migran tidak berdaftar yang pelbagai latar belakang sosial dan ekonomi telah menimbulkan masalah pengurusan yang kronik kepada pihak berkuasa bandar (Tommy Firman, 1999; Nas & Boender, 2002). Kesukaran untuk merancang, khususnya dalam konteks pelayan tuntutan masyarakat memerlukan supaya isu ini diatasi segera. Suatu sistem pengurusan yang sesuai bagi menangani masalah ini sangat wajar diketengahkan.

Di Indonesia, walaupun terdapat Akta No.23 tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan yang memberi kuasa kepada kerajaan tempatan untuk merekod maklumat penduduk yang tinggal dalam kawasan pentadbirannya termasuk migran, namun masih wujud masalah *database* sehingga menimbulkan kesukaran kepada pihak pengurus dan perancang bandar. Masalah ini menimbulkan kesukaran terutamanya dalam memenuhi keperluan sosial dan ekonomi penduduk. Rekod yang ada juga masih cenderung untuk menggolongkan penduduk berdasarkan kepada ciri-ciri etnik, keturunan dan agama sehingga memungkinkan perlakuan diskriminatif yang tidak sesuai dengan Pancasila dan Akta Asas Kerajaan Indonesia tahun 1945. Keadaan seperti itu harus diakhiri dengan pembentukan suatu sistem pentadbiran kependudukan yang selaras dengan kemajuan teknologi informasi dan komunikasi. Hal ini juga adalah penting untuk memenuhi tuntutan masyarakat atas pelayan kependudukan yang profesional seperti yang dituntut oleh Direktorat Jenderal Administrasi Kependudukan, Indonesia. Justeru itu, suatu sistem *database* yang lebih sesuai untuk mengatur pelbagai macam maklumat tentang kependudukan selaras dengan matlamat asal Akta No.23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan perlu diwujudkan.


Berdasarkan Akta No.23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan, kerajaan Indonesia pada hakikatnya berkewajipan untuk memberi perlindungan dan perakuan terhadap penentuan status pribadi dan status perundangan setiap aspek kependudukan dan perkara penting tentang individu penduduk yang berada di dalam dan atau di luar negara. Aspek kependudukan yang penting terutama status penduduk migran serta hak mereka adalah antara maklumat yang sangat diperlukan bagi tujuan pengurusan dan perancangan pihak berkuasa tempatan bandar. Keperluan ini lebih mendesak kepada pengurus bandar seperti Makassar yang mengalami pertambahan penduduk migran yang sangat pesat sejak kebelakangan ini. Bandar Makassar menduduki urutan pertama terbanyak penerima migran masuk dibandingkan dengan 24 kabupaten/kota yang ada di provinsi Sulawesi Selatan.

Kehadiran migran di Bandar Makassar mempengaruhi *database* kependudukan terutama dari segi pelaporan diri di kerajaan tempatan dan kerajaan daerah asal migran. *Database* kependudukan tidak rapi dan kurang tertib kerana belum terkoordinasi dan terintegrasi dalam suatu sistem pentadbiran kependudukan yang utuh dan optimal. Keadaan tersebut di atas menjadi dasar pertimbangan kerajaan untuk mencari strategi dan rancangan agar para migran melaporkan diri atas kedatangannya di Bandar Makassar sesuai dengan ketentuan Akta Tahun 2006 yang sedia ada. Sekaitan dengan hal tersebut, makalah ini bertujuan untuk mengesan kehadiran migran di Bandar Makassar dan memeriksa kerelevanan Akta No. 23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan dalam menangani penduduk migran di bandar tersebut. Bagi tujuan tersebut, data tentang migrasi daripada laporan rasmi banci penduduk Republik Indonesia tahun 2000 dan tahun 2010 digunakan sebagai asas. Kandungan Akta No.23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan Beberapa itu sendiri akan diteliti dan dibuat penilaian. Sebagai tambahan pelbagai hasil penyelidikan dan dokumen rasmi yang berkait rapat dengan isu kajian juga turut digunakan. Satu kajian awalan melibatkan 600 responden di 14 buah kecamatan terpilih di Bandar Makassar juga telah dijalankan untuk mengenalpasti tahap keakuran penduduk migran dalam pelaksanaan akta tersebut. Kaedah *snowball* digunakan untuk tujuan kaji selidik tersebut.

### **Penduduk dan migran di Bandar Makassar**

Bandar Makassar sebagai ibu kota provinsi Sulawesi Selatan terletak di lokasi strategik dan berfungsi sebagai pusat perhubungan antara wilayah barat, timur, utara dan selatan Indonesia.

Posisi ini menyebabkan Bandar Makassar mempunyai daya tarik yang kuat bagi para migran, baik dari wilayah Sulawesi Selatan mahupun dari wilayah lain di Indonesia. Jumlah penduduk Bandar Makassar pada tahun 2000 adalah 1,100,019 orang dan meningkat menjadi 1,179,023 orang pada tahun 2005 bahkan pada tahun 2010 jumlah penduduk meningkat lagi menjadi 1,334,107 orang. Pertambahan penduduk bagi tempoh 2000-2010 adalah sebanyak 21.28 peratus. Pada tahun 2000 sebanyak 38.2 peratus daripada jumlah penduduk adalah migran. Angka ini meningkat kepada 43.62 peratus pada tahun 2010. Migran ini kebanyakannya terdapat di 14 Kecamatan (Rajah 1). Kecamatan yang teramai migrannya adalah Tamalate (24.1 peratus), Biringkanaya (21.2 peratus) dan Panakukang (19.5 peratus). Sedangkan kecamatan yang terkecil jumlah migrannya adalah Ujungpandang (2.1 peratus) dan Wajo (2.6 peratus).



Rajah 1. Peta administratif dan taburan migran di Bandar Makassar

Kebanyakan migran berasal dari wilayah kabupaten Bone (10.5 peratus), Tator (8.8 peratus), Jeneponto (7.5 peratus) dan selebihnya datang dari sembilan kecamatan lainnya (BPS, Sulawesi Selatan 2000). Aliran migrasi ke Bandar Makassar ditunjukkan pada Rajah 2.

Pada masa ini migran di Bandar Makassar terdiri daripada pelbagai etnik. Antara yang paling dominan adalah etnik Makassar (42.7 peratus) dan diikuti oleh Bugis (31.3 peratus). Etnik lain termasuklah Tana Toraja (5.5 peratus), Jawa (5.3 peratus) dan selebihnya beberapa etnik minoriti yang lain. Kemasukan migran yang banyak telah meningkatkan kepadatan penduduk daripada 6,330 orang/kilometer persegi pada tahun 2000 kepada 7,590 orang/kilometer persegi pada tahun 2010. Bagaimanapun, purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan bandar tersebut menurun daripada 1.75 peratus (2000-2006) kepada 1.63 peratus (2006-2010). Angka kelahiran kasar juga menurun daripada 2.4 peratus pada tahun 2000 kepada 2.19 peratus pada tahun 2010, sedangkan jumlah migran meningkat daripada 38.2 peratus (2000) kepada 43.62 peratus (2010). Kehadiran migran yang ketara sangat mempengaruhi pentadbiran kependudukan di Bandar Makassar.



Rajah 2. Peta aliran migrasi masuk ke Bandar Makassar

### Akta Pentadbiran Kependudukan

Akta No.23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan memuat pengaturan dan pembentukan sistem yang mencerminkan adanya reformasi dalam bidang pentadbiran kependudukan di Indonesia. Salah satu hal penting mengenainya adalah pengaturan penggunaan Nomor Induk Kependudukan (NIK). NIK adalah nombor pengenalan diri dan ia berfungsi sebagai identiti penduduk warga Indonesia. NIK merupakan kunci bagi seseorang individu untuk mengakses, melakukan verifikasi dan validasi data jati diri seseorang pengguna dalam mendukung pelayanan publik dalam bidang pentadbiran kependudukan. Sebagai kunci akses dalam pelayanan kependudukan, NIK dikembangkan ke arah identifikasi tunggal bagi setiap individu penduduk. NIK bersifat unit atau khas, tunggal dan melekat pada seseorang yang terdaftar sebagai penduduk Indonesia dan berkait secara langsung dengan seluruh dokumen kependudukan.

Untuk menerbitkan NIK setiap penduduk diwajibkan mencatatkan biodata penduduk yang diawali dengan pengisian formula biodata penduduk di desa/kelurahan secara benar. NIK wajib dicantumkan dalam setiap dokumen kependudukan sama ada dalam pelayanan pendaftaran ataupun pencatatan rekod awam (sipil) yang lain. Ia juga digunakan sebagai dasar penerbitan pelbagai dokumen lain yang ditetapkan berdasarkan ketentuan peraturan undang-undang negara. Pelaksanaan pendaftaran penduduk pada dasarnya adalah berasaskan tempat kediaman individu

penduduk, atau tempat tinggal dan/atau tempat keluarganya bermastautin. Sedangkan pelaksanaan pencatatan awam adalah berdasarkan kepada peristiwa, iaitu tempat dan waktu terjadinya peristiwa penting, misalnya migrasi yang dialami oleh dirinya dan/atau keluarganya.

Pentadbiran kependudukan diarahkan untuk :

1. memenuhi hak asasi setiap orang dalam bidang kependudukan tanpa diskriminasi dengan pelayanan awam yang profesional;
2. meningkatkan kesedaran penduduk akan kewajipannya untuk berperanan dalam pelaksanaan pentadbiran kependudukan;
3. memenuhi data statistik secara nasional mengenai peristiwa kependudukan dan peristiwa penting lain;
4. mendukung perumusan kebijakan dan perencanaan pembangunan secara nasional, regional serta lokal; dan
5. mendukung pembangunan sistem pentadbiran kependudukan.

Pentadbiran kependudukan juga bertujuan untuk :

1. memberikan keabsahan identiti dan kepastian hukum atas dokumen penduduk untuk setiap peristiwa kependudukan dan peristiwa penting yang dialami penduduk;
2. memberikan perlindungan status hak awam penduduk;
3. menyediakan data dan informasi kependudukan secara nasional mengenai pendaftaran penduduk dan pencatatan awam pada pelbagai tingkatan secara tepat, lengkap, mutakhir dan mudah diakses sehingga menjadi acuan bagi perumusan kebijakan dan pembangunan pada umumnya;
4. mewujudkan tertib pentadbiran kependudukan secara nasional dan tersepadu; dan
5. menyediakan data penduduk yang menjadi rujukan dasar bagi sektor terkait dalam penyelenggaraan setiap kegiatan pemerintahan pembangunan dan kemasyarakatan.

Akta pentadbiran kependudukan tahun 2006 pada dasarnya berusaha untuk menyediakan sistem maklumat tersepadu tentang penduduk Indonesia dengan memanfaatkan teknologi maklumat sedia ada. Memandangkan Indonesia adalah sebuah negara yang secara fizikalnya luas, maka perhatian yang serius diberikan terhadap rekod peristiwa individu penduduk, khususnya tentang migrasi. Penyediaan rekod tentang migran pada dasarnya merupakan satu langkah positif ke arah pengawalan dan pengurusan migran khususnya oleh pihak berkuasa tempatan seperti Bandar Makassar yang mengalami masalah kehadiran bilangan migran yang banyak pada masa kebelakangan ini.

### **Perbincangan: Migrasi dan Akta Pentadbiran Kependudukan di Bandar Makassar**

9

5

Pada Bab I: Ketentuan Umum, pasal 1 ayat 1 dalam Akta No.23 Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan dinyatakan:

“Pentadbiran Kependudukan adalah rangkaian kegiatan penataan dan penertiban dalam penerbitan dokumen dan data kependudukan melalui pendaftaran penduduk, pencatatan sipil, pengelolaan informasi pentadbiran kependudukan serta pendayagunaan hasilnya untuk pelayanan publik dan pembangunan sektor lain”

Pada ayat 11 pula dinyatakan:

“Peristiwa Kependudukan adalah kegiatan yang dialami oleh penduduk yang harus dilaporkan kerana membawa akibat terhadap penerbitan dan perubahan Kartu Keluarga (KK), Kartu Tanda Penduduk (KTP) dan/atau surat keterangan kependudukan lainya meliputi pindah datang, perubahan alamat, serta status tinggal terbatas menjadi tinggal tetap”.

Pada Bab II: Hak dan Kewajiban Penduduk, Pasal 2 Akta Pentadbiran Kependudukan pula menyebutkan bahawa:

Setiap penduduk mempunyai hak untuk memperoleh :

1. Dokumen Kependudukan;
2. Pelayanan yang sama dalam pendaftaran penduduk dan pencatatan sipil;
3. Perlindungan atas data pribadi;

4. Kepastian hukum atas kepemilikan dokumen;
5. Informasi mengenai data hasil pendaftaran penduduk dan pencatatan sipil atas dirinya dan/ atau keluarganya; dan
6. Ganti rugi dan pemulihan nama baik sebagai akibat kesalahan dalam pendaftaran penduduk dan pencatatan sipil serta penyalagunaan data pribadi oleh instansi pelaksana.

Sedangkan Pasal 3, dinyatakan:

“Setiap penduduk wajib melaporkan peristiwa kependudukan dan peristiwa penting yang dialaminya kepada instansi pelaksana dengan memenuhi persyaratan yang diperlukan dalam pendaftaran penduduk dan pencatatan sipil”.

Selain itu pada Bab IV Pendaftaran penduduk, Bagian kedua, Paragraf 2 tentang Pindah datang Penduduk dalam wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia Pasal 15 dinyatakan perkara berikut dibawah:

- (1) penduduk warga negara Indonesia yang pindah dalam wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia wajib melapor kepada instansi pelaksana di daerah asal untuk mendapatkan surat keterangan pindah;
- (2) pindah sebagaimana dimaksud pada ayat (1) adalah berdomisilinya penduduk di alamat yang baru untuk waktu lebih dari 1 (satu) tahun atau berdasarkan keperluan yang bersangkutan untuk waktu yang kurang dari 1 (satu) tahun;
- (3) berdasarkan surat keterangan pindah sebagaimana dimaksud pada ayat (1) penduduk yang bersangkutan wajib melapor kepada instansi pelaksana di daerah tujuan untuk penerbitan surat keterangan pindah datang;
- (4) surat keterangan pindah datang sebagaimana dimaksud pada ayat (3) digunakan sebagai dasar perubahan atau penerbitan KK (Kartu Keluarga) dan KTP (Kartu Tanda Penduduk) bagi penduduk yang bersangkutan.

Berdasarkan penjelasan beberapa ayat dalam Akta No: 23 Tahun 2006 Pentadbiran Kependudukan yang disebutkan di atas nampak jelas bahawa penduduk mempunyai hak dan kewajiban termasuk melaporkan diri kepada kerajaan tempatan sebagai daerah destinasi dan juga melaporkan diri kepada kerajaan daerah asal bagi penduduk yang melakukan migrasi (migran).

Pada realitinya migran di Bandar Makassar tidak demikian. Analisis data daripada hasil penyelidikan awalan menunjukkan bahawa terdapat 99 ketua isi rumah (17.0 peratus) daripada 600 responden (migran) yang dikaji selidik tidak melaporkan diri pada kerajaan tempatan. Beberapa alasan diberikan sebagai helah, antara lain: “Tidak wajib/tidak perlu melapor” (42 peratus), “Malas/tidak sempat” (38 peratus) dan selebihnya (19 peratus) beralasan bahawa pengurusan sulit, memerlukan biaya dan hanya menumpang keluarga. Bilangan migran yang tidak melaporkan diri kepada pemerintah setempat untuk meninggalkan daerah asalnya mencapai 170 ketua Isi rumah (28.33 peratus). Untuk itu mereka mengemukakan beberapa alasan sebagai helah, di antaranya: “Tidak perlu melapor/tidak wajib” (86 peratus), “Sibuk/tidak sempat melapor” (45 peratus), susah/repot (19 peratus) dan selebihnya (20 peratus) tidak melapor kerana helah kantor “Terlalu jauh, memerlukan biaya dan tidak punya Kartu Keluarga”.

Pihak berkuasa tempatan Bandar Makassar telah mengambil beberapa langkah dalam usaha melaksanakan Akta Tahun 2006 Pentadbiran Kependudukan. Antaranya termasuklah mewujudkan Peraturan Daerah Bandar Makassar No.9 tahun 2009 tentang penyelenggaraan Pentadbiran Kependudukan dan Catatan Sipil di Bandar Makassar. Pada peraturan tersebut dalam ayat 12 dinyatakan bahawa:

- (1) Setiap penduduk yang baru datang dengan maksud untuk tinggal menetap di Bandar Makassar wajib melapor kepada RT (rukun tetangga), RW (rukun wilayah), Lurah setempat dalam waktu selambat-lambatnya 14 hari sejak tanggal kedatangan dengan membawa surat pindah dari daerah asal.
- (2) Perpindahan penduduk diklasifikasikan sebagai berikut :
  - a. pindah penduduk dalam satu kelurahan;
  - b. pindah penduduk antara kelurahan dalam satu kecamatan;
  - c. pindah penduduk antara kecamatan dalam satu bandar;
  - d. pindah penduduk antara kota atau kabupaten dalam satu provinsi;
  - e. pindah penduduk antara provinsi dalam wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia
  - f. pindah penduduk antara negara.

- (3) Pada saat surat keterangan pindah diserahkan, maka KTP penduduk yang bersangkutan cabut dan dimusnahkan oleh SKPD (Satuan Kerja Peringkat Daerah) yang menerbitkan surat keterangan pindah.
- (4) Surat keterangan pindah berlaku selama 30 hari kerja dan sebagai pengganti KTP selama belum diterbitkan KTP yang baru.
- (5) Pelaporan peristiwa kependudukan di daerah tujuan selambat-lambatnya 14 hari dan maksimum 30 hari sejak diterbitkan surat keterangan pindah.
- (6) Surat keterangan pindah sebagaimana dimaksud ayat (2) huruf a ditandatangani oleh Lurah atas nama Kepala SKPD.
- (7) Surat keterangan pindah sebagaimana dimaksud ayat (2) huruf b ditandatangani oleh Camat atas nama Kepala SKPD.
- (8) Surat keterangan pindah sebagaimana dimaksud ayat (2) huruf c,d,e,f diterbitkan dan ditandatangani oleh Kepala SKPD.
- (9) Persyaratan dan tata cara memperoleh surat keterangan pindah datang penduduk ditetapkan dengan Peraturan Walikota.

Bagi penduduk (migran) yang datang ke Bandar Makassar sesuai dengan pasal 44, diberikan pembebasan biaya pelayanan termasuk biaya penerbitan dan perubahan KK, penerbitan dan perpanjangan KTP, surat keterangan pindah antara kabupaten/bandar dalam provinsi dan antara provinsi. Setiap penduduk yang tidak melapor kepada SKPD melalui RT/RW, Lurah, Camat untuk didaftar biodata akan dikenakan denda (sanksi) pentadbiran paling banyak Rp.50,000 sesuai dengan pasal 47. Setiap penduduk yang dengan sengaja mendaftarkan diri sebagai kepala keluarga atau anggota keluarga lebih daripada satu KK dan memiliki KTP lebih daripada satu, akan dipidana kurungan selama tiga (3) bulan dan/atau denda paling banyak Rp.50,000,000 (lima puluh juta rupiah).

Untuk memberikan pengetahuan, penjelasan dan wawasan kepada penduduk tempatan dan penduduk pendatang (migran) tentang pentadbiran kependudukan di Bandar Makassar, maka pihak berkuasa Dinas Kependudukan dan Catatan Sipil Bandar Makassar melakukan sosialisasi kepada penduduk Bandar Makassar dengan berbagai cara. Di antaranya melakukan pertemuan dengan para Lurah, Camat dan Instansi lain yang terkait untuk menyeragamkan persepsi serta kefahaman dalam penyelenggaraan pentadbiran kependudukan agar mudah memberikan penjelasan kepada penduduk dan menyebarkan maklumat melalui pamflet atau maklumat yang ditampal pada papan kenyataan kantor Lurah dan Camat yang berisi himbauan untuk memahami dan mentaati aturan yang dikehendaki dalam Akta Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan agar tidak terulang kesilapan yang dilakukan oleh sebahagian penduduk yang ada di Bandar Makassar. Juga diharapkan agar penataan dan perapian *database* kependudukan akan menjadi lebih baik untuk digunakan sebagai asas pembentukan dasar tentang pembangunan pelbagai sektor ekonomi dan sosial.

## Kesimpulan

Akta pentadbiran kependudukan di Republik Indonesia sangat diperlukan guna penataan dan perapian *database* kependudukan yang dapat digunakan sebagai asas bagi pembentukan dasar pembangunan. Dengan sistem *database* kependudukan yang tepat dan sejalan dengan kemajuan teknologi informasi dan komunikasi, kerajaan diharapkan dapat memenuhi tuntutan masyarakat atas pelayanan kependudukan secara lebih profesional. Pentadbiran kependudukan sebagai suatu sistem memiliki arah dan tujuan untuk kelancaran dan kesuksesan pentadbiran kependudukan. Namun masih ramai dalam kalangan penduduk pendatang (migran) di Bandar Makassar yang belum melaksanakan kandungan yang dikehendaki oleh akta pentadbiran kependudukan, khususnya yang berkaitan dengan pelaporan diri migran kepada kerajaan tempatan Bandar Makassar sebagai daerah destinasi dan juga kepada kerajaan daerah asal migran. Pelaporan diri migran di daerah destinasi mahupun daerah asal migran tidak dilakukan atas berbagai helah sesuai dengan tanggapan mereka seperti merasakan tidak wajib/tidak perlu melapor kepada kerajaan tempatan mahupun kerajaan daerah asal, malas/tidak sempat melapor dan sebagainya kerana kurang faham perkara yang terkandung dalam Akta Pentadbiran Kependudukan Tahun 2006.



Dalam mengatasi kekurangan dan kelemahan aplikasi akta tersebut, pihak berkuasa tempatan Bandar Makassar telah merangka strategi dan rancangan khusus termasuk melaksanakan program sosialisasi kepada kakitangan kerajaan dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang pentingnya memahami peristiwa kependudukan dan peristiwa penting yang ada dalam kandungan Akta Tahun 2006 Tentang Pentadbiran Kependudukan. Pesatnya pertumbuhan penduduk Bandar Makassar sangat mempengaruhi *database* kependudukan. Perkara ini memerlukan usaha pemantauan dan kawalan secara berkala dan terus menerus. Pihak berkuasa tempatan, iaitu kerajaan Bandar Makassar telah mula melaksanakan usaha tersebut.

## Rujukan

- Antweiler P (2002) Rationalities in Makassar: Cognition and mobility in a regional metropolis in the Indonesian periphery. In: Nas PJM (ed) *The Indonesian town revisited*, pp. 230-258. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Badan Pusat Statistik (2000) *Hasil banci penduduk Sulawesi Selatan*. BPS Indonesia, Jakarta.
- Badan Pusat Statistik (2009) *Makassar dalam angka*. Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kerjasama Badan Pusat Statistik Kota Makassar. BPS Kota Makassar, Makassar.
- Chotif (1999) Migrasi: Salah satu faktor penentu dinamika kependudukan. *Warta Demografi*, Tahun ke-29, No.3. Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta.
- Departemen Dalam Negeri (2009) Peraturan Perundang-Undangan Administrasi Kependudukan. Direktorat Jenderal Administrasi Kependudukan, Jakarta.
- Dinas Kependudukan dan Catatan Sipil (2010) Peraturan Daerah Kota Makassar No.9 Tahun 2009 tentang Penyelenggaraan Administrasi Kependudukan dan Catatan Sipil di Kota Makassar.
- Gmelch G & Kemper RV (2009) Cityward migration in comparative perspective. In: Gmelch G, & Kemper RV (eds) *Urban life: Readings in Urban Anthropology*, (5th edition). Waveland Press, Salem, Illinois.
- Ida BM (2000) Kebijakan redistribusi penduduk di Indonesia dari waktu ke waktu. *Warta Demografi: Kebijakan pendudukan kini dan masa depan*, Tahun ke 30 No.1. Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta.
- Nano S (2010) Angka sementara banci penduduk 2010 Sulawesi Selatan. Makalah yang disampaikan pada Seminar Statistik dalam rangka Hari Jadi Statistik 26 September 2010 & World Statistik Day 20 Oktober 2010, Makassar, 2 November.
- Nas PJM, Boender W (2002) The Indonesian city in urban theory. In: Nas PJM (ed) *The Indonesian town revisited*, pp. 3-16. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Nur HW (1994) Mobilitasi penduduk dan revolusi transportasi. *Warta Demografi*, Tahun ke-24, No.3. Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta.
- Nurmana (2004) Dampak migrasi terhadap kepadatan penduduk perkotaan di Kota Makassar. (Thesis Master) Program Pascasarjana Universitas Hasanuddin, Makassar.
- Peraturan Daerah Kota Makassar (2009) Rencana Pembangunan Jangka Menengah Daerah (RPJMD) Kota Makassar 2009 – 2014. Makassar.
- Prijono T (2000) Mobilitasi penduduk dan pembangunan ekonomi. *Warta Demografi: Otonomi daerah dan aspek penduduk*, Tahun ke 30 No.3. Lembaga Demografi Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia, Jakarta.
- Salut M (2011) Urban migration in Indonesia, pre and post decentralization. Paper Presented At *The Conference on Decentralisation And Urban Transformation In Asia*. 10 – 11 March 2011. Asia Research Institute, National University of Singapore, Singapore. In collaboration with The Asia Foundation.
- Temple G (1975) Migration to Jakarta, *Bulletin of Indonesian Economic Studies* 11 (1), 76-81.
- Tommy F (1999) Metropolitan expansion and the growth of female migration to Jakarta. *Asia Pacific Viewpoint* 40 (1), 45–58.

# Jurnal UKM Press

---

## ORIGINALITY REPORT

---

6%

SIMILARITY INDEX

4%

INTERNET SOURCES

1%

PUBLICATIONS

3%

STUDENT PAPERS

---

## PRIMARY SOURCES

---

1	Submitted to Universitas Bung Hatta Student Paper	1%
2	<a href="http://ejournal.unis.ac.id">ejournal.unis.ac.id</a> Internet Source	1%
3	Submitted to Surabaya University Student Paper	1%
4	<a href="http://indonesiacara.blogspot.com">indonesiacara.blogspot.com</a> Internet Source	1%
5	<a href="http://123dok.com">123dok.com</a> Internet Source	1%
6	<a href="http://eprints.walisongo.ac.id">eprints.walisongo.ac.id</a> Internet Source	<1%
7	Submitted to Udayana University Student Paper	<1%
8	<a href="http://eprints.ipdn.ac.id">eprints.ipdn.ac.id</a> Internet Source	<1%
9	<a href="http://infopelangi.wordpress.com">infopelangi.wordpress.com</a> Internet Source	<1%

---

10

Hartoyo D.. "Panduan audit investigatif korupsi di bidang kehutanan", Center for International Forestry Research (CIFOR), 2011

Publication

<1 %

11

kependudukancapil.go.id

Internet Source

<1 %

Exclude quotes On

Exclude matches Off

Exclude bibliography On

FINAL GRADE

**/0**

GENERAL COMMENTS

**Instructor**

---

PAGE 1

---

PAGE 2

---

PAGE 3

---

PAGE 4

---

PAGE 5

---

PAGE 6

---

PAGE 7

---

PAGE 8

---